A

THITAPHA CHAROENCHUEA lwn. PP

MAHKAMAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA
ARIFIN ZAKARIA KHN
MD RAUS SHARIF PMR
HASAN LAH HMP
B ZAINUN ALI HMP
ABU SAMAH NORDIN HMP
[RAYUAN JENAYAH NO: 05-13-01-2015(K)]
4 OKTOBER 2016

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Perbicaraan – Alasan penghakiman – Tanggungjawab menyediakan alasan penghakiman – Sama ada hanya perlu menyediakan satu alasan penghakiman sahaja – Penyediaan alasan penghakiman tambahan oleh hakim bicara – Sama ada dilarang oleh statut – Kesan-kesan – Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s. 52 – Kanun Tatacara Jenayah, s. 278*

D ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') – Seksyen 39B(1) – Mengedar 1838.4 gram kanabis – Akhir kes pendakwaan – Andaian s. 37(da) ADB – Sama ada boleh digunakan – Kegagalan membuat dapatan afirmatif sama ada andaian disangkal atau tidak atas imbangan kebarangkalian – Sama ada memudaratkan – Sama ada terpakai – Sama ada hanya kesalahan memiliki dadah berbahaya dibuktikan*

E Perayu ('OKT') telah disabit atas kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') apabila beg yang dibimbit olehnya di satu perhentian bas didapati mengandungi kanabis seberat 1838.4 gram. Tidak dinafikan bahawa dalam mencapai keputusannya
F itu, hakim bicara mengguna pakai andaian pengedaran di bawah s. 37(da) ADB. Fakta juga menunjukkan bahawa, bagi perbicaraan di hadapan beliau itu, sebanyak tiga alasan penghakiman disediakan oleh hakim bicara, iaitu: (i) pada 22 Oktober 2013 apabila memutuskan wujud kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan; (ii) pada 25 November 2013 apabila
G mensabitkan OKT atas pertuduhan di akhir kes pembelaan; dan (iii) pada 20 Januari 2014 apabila OKT memfailkan notis rayuannya. OKT merayu ke Mahkamah Rayuan dan setelah gagal di situ merayu seterusnya. Di hadapan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, antara isu-isu penting yang berbangkit adalah: (i) sama ada hakim bicara tersilap arah dalam menangani
H andaian statutori di peringkat kes pendakwaan, serta gagal membuat dapatan afirmatif bahawa andaian di bawah s. 37(da) ADB telah disangkal atas imbangan kebarangkalian; (ii) sama ada hakim bicara, dalam hal keadaan kes, telah mengubah atau menyemak penghakiman terdahulu yang disediakan oleh beliau sekaligus melanggar peruntukan s. 52 Akta
I Mahkamah Kehakiman ('AMK') mahupun s. 278 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); dan jika begitu (iii) sama ada ini menyebabkan rayuan OKT menjadi terbatal.

Diputuskan (membenarkan sebahagian rayuan)
Oleh Arifin Zakaria KHN menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Isu kritikal dalam kes ini berkaitan dengan bilangan penghakiman yang dikeluarkan oleh hakim bicara. Persoalannya adalah sama ada penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013 adalah satu keputusan yang ringkas seperti yang dimaksudkan di dalam *Yusof Omar v. PP*. (perenggan 25 & 31)

(2) Kenyataan Mahkamah Rayuan dalam kes *Yusof Omar v. PP* bahawa adalah tidak salah dalam sesuatu perbicaraan yang memakan masa yang panjang dan terdapat banyak persoalan undang-undang bagi hakim bicara untuk memberi alasan-alasan secara ringkas mengenai keputusannya tidak boleh diterima pakai secara am pada semua kes, tetapi terpakai '*on a case to case basis*'. Apa pun, dalam kes semasa, penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013 tidak boleh disifatkan sedemikian, kerana kedua-duanya penghakiman yang lengkap dan sempurna. (perenggan 37)

(3) Kesahihan kedua-dua penghakiman yang dibuat setakat 25 November 2013 tidak boleh disangkal. Kedua-duanya teratur walaupun terdapat sedikit pertindihan. Kedua-dua penghakiman, walaupun ringkas, jika digabungkan boleh menjadi satu penghakiman lengkap kerana menganalisis fakta kes dan intipati pertuduhan dan seterusnya mengandungi keputusan hakim bicara berserta alasan-alasan bagi menyokong keputusannya. Selain itu, tidak dinyatakan di mana-mana bahagian penghakiman tersebut yang ianya adalah satu 'deraf keputusan' seperti yang berlaku dalam *Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals*. (perenggan 36)

(4) Seksyen 52 AMK hanya mengkehendaki satu alasan keputusan dibuat sekiranya penghakiman bertulis belum disediakan. Oleh itu, hakim bicara tidak perlu, bahkan tidak boleh dan tidak berkompeten menyediakan alasan penghakiman tambahan sekiranya penghakiman telah ditulis sebelum itu. Perbuatan menulis alasan penghakiman awal yang kemudiannya disusuli dengan penyediaan alasan penghakiman di bawah s. 52 AMK akan terjumlah kepada penyediaan alasan tambahan kepada penghakiman lisan yang telah diberi sebelumnya. Ini menyebabkan berlakunya pengubahsuaian atau kajian semula terhadap penghakiman terdahulu yang dilarang oleh s. 278 KTJ. (perenggan 39, 40 & 42)

(5) Penghakiman bertarikh 20 Januari 2014 yang disediakan selepas notis rayuan difailkan merupakan satu penghakiman tambahan kepada penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013. Oleh itu, wujud penghakiman berganda dalam kes ini. Apa-pun, penghakiman berganda yang wujud itu tidak menyebabkan kegagalan keadilan atau

menyebabkan rayuan ini terbatal. Rayuan OKT masih boleh didengar dan dipertimbang oleh mahkamah dengan bergantung pada penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013. (perenggan 45 & 46)

(6) Bersandar pada penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013, hakim bicara jelas tidak menyatakan sama ada OKT mempunyai pengetahuan terhadap dadah dalam milikannya. Hakim bicara hanya mendapati OKT mempunyai milikan fizikal dadah tersebut. Dapatan berhubung dengan pengetahuan OKT tentang kewujudan dadah dalam milikannya merupakan salah satu elemen utama yang perlu diputuskan bagi membolehkan sandaran terhadap andaian pengedaran dadah di bawah s. 37(da) ADB dibuat. Tanpa dapatan sedemikian oleh hakim bicara, andaian statutori di bawah s. 37(da) ADB yang dipakai oleh hakim bicara terhadap OKT adalah cacat. Kesannya, pihak pendakwa gagal membuktikan kes *prima facie* bagi kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) ADB. (perenggan 48)

(7) Sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi adalah salah. Namun begitu, terdapat keterangan jelas bahawa semasa ditangkap, OKT mempunyai kawalan dan jagaan atas dadah berkenaan secara fizikal seperti yang diputuskan oleh hakim bicara. Oleh itu, pihak pendakwaan boleh bergantung pada anggapan di bawah s. 37(d) ADB. (perenggan 50)

(7a) OKT gagal, atas imbangan kebarangkalian, untuk menyangkal anggapan tersebut. Sekaligus, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan tanpa keraguan munasabah bahawa pada masa dan tempat seperti di dalam pertuduhan, OKT memiliki dadah seperti dituduh. OKT bersalah dan harus disabitkan di bawah s. 6 ADB dan boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f). (perenggan 51 & 52)

English *Headnotes*

The appellant ('the accused') was convicted for an offence under s. 39B(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') after a bag she was carrying at a certain bus stop was found to contain 1838.4 grams of cannabis. It was not disputed that the trial judge, in arriving at the said decision, had relied on the presumption of trafficking under s. 37(da) of the DDA. The facts further showed that, in respect of the trial before him, a total of three judgments were delivered by the trial judge, namely: (i) on 22 October 2013 at the end of the prosecution's case when the court ruled that a *prima facie* case had been made out; (ii) on 25 November 2013 at the close of the case for the defence; and (iii) on 20 January 2014 upon the accused filing the notice of appeal. The accused appealed to the Court of Appeal, and being unsuccessful thereat appealed further. Before the Justices of the Federal Court, the primary issues that arose were: (i) whether the trial judge had misdirected himself in dealing with the statutory presumption at the end of the prosecution's case, and had failed to make an affirmative finding on whether the presumption under s. 37(da) of the DDA had been rebutted on a balance of probabilities;

(ii) whether the trial judge, in the circumstances of this case, had amended or reviewed his earlier judgment(s) so as to have transgressed s. 52 of the CJA or s. 278 of the Criminal Procedure Code ('CPC'); and if so (iii) whether it had voided the accused's appeal.

Held (allowing appeal in part)
Per Arifin Zakaria CJ delivering the judgment of the court:

(1) The critical issue in this case was on the number of judgments issued and provided by the trial judge. The question was whether the judgments dated 22 October 2013 and 25 November 2013 constituted a brief decision as indicated in *Yusof Omar v. PP*.

(2) The pronouncement of the Court of Appeal in *Yusof Omar v. PP* that it was not wrong for a trial judge in a prolonged trial beset with multiple issues of law to provide draft grounds for his decision is not of omnibus application, but applies rather on a case to case basis. Be that as it may, in the present case, the judgments dated 22 October 2013 and 25 November 2013 could not be treated as such, as they were full and complete judgments.

(3) The validity of the judgments delivered as at 25 November 2013 was beyond doubt. Both were in good order except for some minor duplicity. Notwithstanding their brevity, the judgments, when read together, would form a complete judgment as they analysed the facts and ingredients of the charge as well as adverted to the decision of the trial judge and the grounds for the decision. This aside, nowhere was it mentioned in the judgments that it was a 'draft judgment' as was the case in *Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals*.

(4) Section 52 of the CJA only calls for one ground of judgment if a written judgment is yet to be provided. That being the case, the trial judge need not, and indeed cannot and is incompetent to prepare an additional judgment if a written judgment has already been provided. The act of writing a judgment and thereafter preparing another judgment under s. 52 of the CJA is tantamount to providing an additional judgment to a judgment written and delivered earlier. It constitutes an amendment or a review of the earlier judgment and is prohibited by s. 278 of the Criminal Procedure Code.

(5) The judgment dated 20 January 2014, provided pursuant to the filing of the notice of appeal, was an additional judgment to the judgments of 22 October 2013 and 25 November 2013. Hence, there was duplicity of judgments in this case. The duplicity, in any event, had not vitiated the trial or caused a miscarriage of justice. The accused's appeal could still be heard and adjudicated by the court in reliance upon the judgments of 22 October 2013 and 25 November 2013.

(6) In the judgments of 22 October 2013 and 25 November 2013, the trial judge clearly did not state whether the accused had knowledge of the drugs in his possession. The trial judge had only found the accused to have physical possession of the drugs. A finding as to the accused's knowledge of the drugs in his possession was a primary element that ought to be determined first before the statutory presumption under s. 37(da) of the DDA could be invoked. Without such finding by the trial judge, the invocation by him of the presumption under s. 37(da) DDA to prove a *prima facie* case of an offence under s. 39B(1)(a) DDA was flawed.

(7) The conviction and sentence as passed by the High Court was wrong. Notwithstanding that, there was clear evidence that at the time of arrest the accused had physical custody and control of the drugs, as found by the trial judge. This being the case, it was open for the prosecution to rely on the presumption under s. 37(d) DDA.

(7a) The accused failed to rebut the presumption on a balance of probabilities. It followed that the prosecution had proved beyond reasonable doubt that at the time and place stated in the charge, the accused had possession of the drugs in question. The accused therefore was guilty and ought to be convicted of an offence under s. 6 DDA punishable under s. 39A(2)(f) thereof.

Kes-kes yang dirujuk:

Ankur Nath Ganguli v. PP [1956] 1 LNS 9 HC ***(dirujuk)***
Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***
Goh Lai Wak v. PP [1994] 1 SLR 748 ***(dirujuk)***
Habee Bur Rahman v. PP [1970] 1 LNS 32 HC ***(dirujuk)***
Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals [1998] 3 CLJ 769 CA ***(dirujuk)***
Loh Kwang Seang v. PP [1960] 1 LNS 64 HC ***(dirujuk)***
Lorraine Phylis Cohen & Anor v. PP [1989] 2 CLJ 131; [1989] 1 CLJ (Rep) 84 SC ***(dirujuk)***
Low Ah Thit v. PP [1992] 2 CLJ 1223; [1992] 2 CLJ (Rep) 811 HC ***(dirujuk)***
Nathan v. PP [1972] 1 LNS 99 HC ***(dirujuk)***
Ong Keng Tat v. PP [2015] 1 CLJ 506 CA ***(dirujuk)***
PP v. Hanif Basree Abdul Rahman [2007] 2 CLJ 33 CA ***(dirujuk)***
Yusof Omar lwn. PP [2001] 3 CLJ 122 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 52(1)
Criminal Procedure Code, ss. 180, 278, 307(3)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 6, 37(d), (da), 39A(2)(f), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak perayu - Mak Kah Keong; T/n TL Chen & Co
Bagi pihak responden - Kwan Li Sa; TPR

[Nota pengarang: Untuk kes Mahkamah Rayuan, sila lihat Thitapha Charoenchuea lwn. PP [2015] 1 LNS 833 (mengesahkan sebahagian).]

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Arifin Zakaria KHN:

Pengenalan

[1] Ini adalah rayuan daripada perayu, Puan Thitapha Charoenchuea terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang diputuskan pada 20 Januari 2015 di mana mahkamah telah menolak rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan terhadap perayu oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah pada 25 November 2013.

[2] Perayu telah dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB") atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 14hb Februari 2012 jam lebih kurang 9.45 malam, di Perhentian Bas Ekspress, Jalan Kuala Ketil, Pekan Lama Sungai Petani, di dalam Daerah Kuala Muda di dalam Negeri Kedah Darul Aman, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu cannabis sejumlah berat 18383.4 gram. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[3] Perayu dalam kes ini akan dirujuk sebagai orang kena tuduh ("OKT") dan responden dirujuk sebagai pihak pendakwa, sebagaimana yang digunakan di peringkat mahkamah perbicaraan.

Fakta Kes Pendakwaan

[4] Fakta kes pihak pendakwa bolehlah diringkaskan seperti berikut: SP5 (ASP Abdul Razak bin Osman) yang bertugas di bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Muda, Kedah telah menerima maklumat berkaitan satu transaksi dadah berbahaya jenis ganja yang akan berlaku pada malam 14 Februari 2012 di Stesen Bas Ekspres Lama, Sungai Petani Kedah.

[5] SP5 telah membuat intipan bersama pasukan beliau di stesen bas tersebut. Apabila SP5 nampak orang yang disyaki berada dalam sebuah bas yang berhenti di situ, SP5 terus menghampiri pemandu bas tersebut, Parmasivam a/l Kaveri (SP3). Dengan menggunakan alasan "ada pertukaran bas bagi penumpang yang hendak ke Kuala Lumpur", SP3, atas arahan SP5, telah meminta semua penumpang bas berkenaan turun dari bas itu dengan membawa bagasi masing-masing.

[6] OKT telah dilihat mengambil dua buah beg dari tempat simpanan bagasi. Beg-beg tersebut ditandakan sebagai P32 (sebuah beg bimbit berwarna merah hitam) dan P33 (sebuah beg galas berwarna hitam). OKT kemudiannya ditahan semasa sedang berjalan ke arah kaunter tiket Bas Mutiara. Pada masa itu, OKT kelihatan sedang menggalas P33 di belakangnya manakala tangan kanannya membimbit P32 dan tangan kirinya pula membimbit beg tangan (P34).

[7] SP5 mendapati P32 dan P33 berkunci dengan mangga (padlock). SP5 telah meminta OKT membuka P32 dan P33. SP5 melihat OKT mengambil anak kunci dari dalam P34. Setelah dibuka kedua-dua beg tersebut, SP5 menemui 12 ketulan mampat yang disyaki ganja di dalam P32 dan lapan ketulan mampat yang juga disyaki ganja dalam P33.

[8] OKT kemudiannya telah ditangkap, dan kesemua barang telah dirampas.

[9] Kesemua 20 ketulan mampat yang didapati dalam P32 dan P33 yang disyaki ganja jenis cannabis telah dihantar kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk tujuan analisa. Analisis telah dijalankan oleh Puan Faezmanziana (SP2), seorang ahli kimia daripada Jabatan Kimia Malaysia. SP2 dalam keterangannya telah mengesahkan bahawa kesemua 20 ketulan mampat tersebut adalah dadah berbahaya jenis cannabis dengan berat bersih 18,383.4g.

Dapatan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan

[10] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan OKT mempunyai milikan fizikal terhadap dadah berbahaya tersebut. Hakim bicara turut memutuskan bahawa rantaian keterangan berkaitan dadah berbahaya tersebut adalah lengkap dan tidak terputus.

[11] Hakim bicara turut menilai keterangan saksi-saksi yang menunjukkan OKT meletakkan P32 dan P33 di tempat bagasi bas dan mengunci kedua-duanya menggunakan "padlock" yang dibelinya sendiri. OKT kemudiannya mengambil dan membawa keluar P32 dan P33 dari tempat bagasi. OKT turut dilihat berjalan menuju ke kaunter tiket sambil membawa P32 dan P33. Penilaian turut dibuat terhadap keterangan saksi-saksi yang menunjukkan bahawa OKT telah menggunakan kunci yang diambil dari P34 untuk membuka "padlock" yang dikuncikan kepada P32 dan P33. Berdasarkan keterangan di atas, hakim bicara memutuskan bahawa OKT mempunyai kawalan dan jagaan ke atas kedua-dua beg dan juga 20 ketulan mampat tersebut.

[12] Seterusnya, hakim bicara turut memutuskan bahawa berdasarkan berat dadah yang dimiliki, anggapan di bawah peruntukan s. 37(da) ADB boleh digunakan bagi membuktikan OKT melakukan perbuatan mengedar dadah berbahaya dalam milikannya.

[13] Berdasarkan keadaan kes, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes "*prima facie*" terhadap OKT. OKT telah dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan yang dikemukakan.

Pembelaan

[14] OKT telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau datang dari Bangkok tanpa membawa P32 dan P33. Apabila tiba di Danok, Thailand, OKT telah menghubungi kawannya yang bernama Ali. Ali menyuruh OKT menaiki motosikal tambang ke Stesen Bas Changloon, Kedah. Sesampainya di Stesen Bas Changloon, dia telah menghubungi Ali dan beliau dimaklumkan bahawa rakan Ali akan membekalkannya tiket bas untuk ke Kuala Lumpur. Rakan Ali telah menyerahkan tiket bas tersebut dan memaklumkan kepada OKT bahawa terdapat dua buah beg yang telah diletakkan di tempat bagasi bas.

[15] OKT turut menyatakan bahawa semasa turun daripada bas di Sungai Petani Kedah, SP3 telah memberitahu OKT bahawa Ali telah mengirim dua buah beg. OKT telah ditahan oleh pasukan polis semasa mengambil beg tersebut. Kedua-dua buah beg tersebut berkunci.

[16] OKT selanjutnya menyatakan bahawa polis telah meminta kunci dari OKT tetapi OKT mengatakan dia tidak tahu di mana kunci kedua-dua beg tersebut. Polis kemudiannya telah memeriksa salah satu beg tersebut dan telah mengambil anak kunci dari bahagian hadapan beg yang berzip. Anak kunci itu telah digunakan untuk membuka kunci kedua-dua beg tersebut. Ringkasnya, OKT menyatakan bahawa beliau tidak tahu apakah isi kandungan beg-beg P32 dan P33.

Keputusan Di Akhir Kes

[17] Hakim bicara telah mempertimbangkan keterangan pembelaan OKT dan mendapati bahawa pembelaan yang dikemukakan oleh OKT adalah satu pembelaan fikir kemudian ("afterthought") yang tidak boleh dipercayai dan diterima oleh mahkamah atas alasan-alasan seperti berikut:

(a) Keterangan OKT yang menyatakan bahawa kedua-dua beg telah dibuka menggunakan kunci yang diambil oleh polis dari bahagian berzip salah satu beg tersebut tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas keterangan SP4, SP5 dan SP6 yang menyatakan bahawa anak kunci tersebut dikeluarkan sendiri oleh OKT dari P34;

(b) Wujudnya percanggahan di dalam keterangan OKT berkaitan kewujudan kedua-dua beg yang mengandungi dadah tersebut. Pada satu tahap OKT menyatakan bahawa semasa menunggu ketibaan bas di Stesen Bas Changloon, kawan Ali telah menyerahkan beg kepada OKT. Dalam keterangan yang lain pula, OKT mendakwa bahawa bas telah sedia ada semasa OKT sampai dan kawan Ali yang meletakkan beg tersebut di bahagian bagasi bas. Percanggahan ini menyebabkan hakim bicara meragui keterangan pembelaannya;

(c) Keterangan bahawa kawan Ali telah menyerahkan beg kepada pemandu bas adalah satu keterangan pembelaan yang difikirkan kemudian; dan

(d) Keterangan OKT bahawa SP3 telah mengeluarkan P32 dan P33 semasa di Stesen Bas Ekspres Sungai Petani gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap keterangan saksi pendakwa bahawa OKT yang mengeluarkan sendiri kedua-dua beg tersebut.

[18] Berdasarkan alasan-alasan di atas, hakim bicara memutuskan bahawa OKT telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. OKT juga gagal di atas imbangan kebarangkalian menyangkal anggapan di bawah s. 37(da) ADB. OKT kemudiannya telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) ADB dan dihukum gantung sampai mati di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Keputusan Mahkamah Rayuan

[19] Peguam OKT telah membangkitkan dua isu dalam rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan iaitu:

(i) Pendakwaan gagal membuktikan "*mens rea* possession" di mana OKT tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang didapati di dalam beg P32 dan P33; dan

(ii) Hakim bicara gagal membuat "affirmative finding" sama ada andaian undang-undang di bawah s. 37(da) ADB telah disangkal ("rebut") atas imbangan kebarangkalian.

[20] Mahkamah Rayuan bersetuju dengan dapatan fakta dan undang-undang yang diputuskan oleh hakim bicara. Mahkamah Rayuan turut mengesahkan bahawa dapatan fakta hakim bicara berdasarkan keterangan SP3 terhadap kelakuan ("conduct") OKT yang membeli "padlock" dan mengunci begnya adalah satu keterangan yang kukuh yang menunjukkan OKT mempunyai pengetahuan terhadap 20 ketulan dadah jenis cannabis dalam P32 dan P33.

[21] Mahkamah Rayuan turut menolak hujahan peguam OKT bahawa hakim bicara telah gagal membuat "affirmative finding" terhadap sama ada andaian di bawah s. 37(da) ADB telah disangkal di atas imbangan kebarangkalian. Berdasarkan pembelaan OKT, tidak ada apa-apa keterangan yang boleh menyangkal andaian pengedaran dadah tersebut. Mahkamah Rayuan berpendapat, sekiranya wujud "non-direction" di dalam isu ini, ia bukanlah "misdirection" yang serius.

[22] Mahkamah Rayuan turut memutuskan bahawa Ali, jika pun wujud, tidak akan memberi apa-apa "plausible explanation" untuk menyangkal andaian undang-undang di bawah s. 37(da) ADB mengenai "pengedaran".

[23] Atas sebab itu, Mahkamah Rayuan bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pembelaan OKT merupakan pembelaan fikir semula. Mahkamah turut memutuskan bahawa hakim bicara adalah betul apabila memutuskan bahawa pembelaan OKT tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah serta gagal menyangkal andaian di bawah s. 37(da) ADB di atas imbangan kebarangkalian.

Rayuan Di Mahkamah Persekutuan

[24] Pihak-pihak telah memfailkan hujahan bertulis dan berhujah secara lisan di hadapan mahkamah ini pada 12 Oktober 2015. Peguam OKT telah membangkitkan tiga isu utama seperti berikut:

(a) Hakim bicara telah tersilap arah dalam menangani andaian statutori di peringkat kes pendakwaan;

(b) Hakim bicara telah gagal untuk menimbang dengan secukupnya pembelaan OKT; dan

(c) Pihak pendakwa telah gagal untuk memastikan kehadiran Mohd Fakri yang ditawarkan kepada pihak pembelaan.

[25] Setelah mendengar rayuan ini kami berpendapat isu yang kritikal di dalam kes ini ialah berkaitan dengan bilangan penghakiman yang dikeluarkan oleh hakim bicara di dalam kes ini. Tidak dipertikaikan di sini terdapat tiga penghakiman yang telah disediakan dan ditandatangani hakim bicara dan menjadi sebahagian dari rekod mahkamah iaitu:

(i) di akhir kes pendakwaan, bertarikh 22 Oktober 2013;

(ii) di akhir perbicaraan selepas pembelaan oleh OKT, bertarikh 25 November 2013; dan

(iii) alasan penghakiman yang disediakan selepas notis rayuan difailkan, bertarikh 20 Januari 2014.

[26] Peguam OKT menghujahkan bahawa alasan penghakiman bertarikh 20 Januari 2014 merupakan penambahbaikan terhadap keputusan bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013. Dalam keputusan bertarikh 22 Oktober 2013, hakim bicara hanya membuat dapatan terhadap pemilikan fizikal dadah dan telah menyandarkan dapatan tersebut dalam mengguna andaian pengedaran dadah di bawah s. 37(da) ADB bagi memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes "*prima facie*" bagi kesalahan di bawah s. 39B(1) ADB. Dalam keputusannya, hakim bicara tidak membuat sebarang dapatan terhadap pemilikan "*mens rea*". Dapatan terhadap pemilikan "*mens rea*" hanya dibuat di dalam alasan penghakiman bertarikh 20 Januari 2014.

[27] Peguam OKT seterusnya menghujahkan setelah mengeluarkan penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan penghakiman bertarikh 25 November 2013, mahkamah tidak boleh menambahnya dengan penghakiman ketiga bertarikh 20 Januari 2014. Beliau menghujahkan bahawa perbuatan tersebut tergolong kepada satu penambahbaikan kepada penghakiman yang terdahulu dan ini adalah bercanggah dengan s. 52 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ("AMK").

[28] Perbicaraan jenayah di Mahkamah Tinggi adalah tertakluk kepada Bab XX Kanun Tatacara Jenayah ("KTJ"). Di akhir kes pendakwa apa yang mahkamah perlu putuskan ialah sama ada pihak pendakwa berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT atau tidak. Sekiranya pihak pendakwa berjaya membuktikan satu kes *prima facie* maka OKT hendaklah dipanggil untuk membela diri, dan jika mendapati pihak pendakwa gagal berbuat demikian, OKT hendaklah dilepas dan dibebaskan. Ini diperuntukkan di dalam s. 180 KTJ. Jadi, dari segi prosedurnya, tidak perlu bagi hakim bicara untuk menyediakan alasan penghakiman di peringkat ini. Tetapi, kami berpendapat adalah satu amalan yang baik jika hakim bicara menyediakan alasan penghakiman yang lengkap di peringkat ini kerana pada masa tersebut keterangan-keterangan yang dikemukakan masih lagi segar di dalam ingatannya. Sekiranya OKT dipanggil untuk membela diri, penghakiman selanjutnya bolehlah dibuat sebaik sahaja OKT memberi keterangan dan setelah penghujahan pihak-pihak didengar. Itulah yang dibuat di dalam kes ini melalui penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013. Tetapi di dalam kes ini ia tidak berakhir di situ, kerana selepas notis rayuan difailkan, hakim bicara telah menyediakan satu lagi alasan penghakiman bertarikh 20 Januari 2014 setebal 19 muka surat.

[29] Adalah menjadi hujahan peguam OKT bahawa penghakiman bertarikh 20 Januari 2014 tidak sepatutnya diterima oleh mahkamah. Beliau menghujahkan, ia adalah di luar aturan bagi hakim bicara untuk menyediakan satu penghakiman tambahan setelah satu penghakiman disediakan sebelum itu. Beliau bersandarkan kepada s. 52(1) AMK dan beberapa autoriti yang akan kami bincangkan kemudian.

[30] Pihak pendakwa menghujahkan bahawa di dalam keadaan kes ini adalah tidak salah jika hakim bicara menyediakan penghakiman bertarikh 20 Januari 2014 kerana penghakiman yang terdahulu adalah merupakan alasan ringkas sahaja yang dibuat oleh hakim bicara dan bukannya alasan penuh.

[31] Pada pendapat kami setiap kes bergantung kepada apa yang telah dicatatkan oleh hakim bicara yang berkenaan. Jadi, adalah perlu untuk melihat apa yang sebenarnya berlaku di dalam kes ini. Persoalannya adakah penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013 merupakan satu keputusan yang ringkas seperti yang dimaksudkan di dalam kes *Yusof Omar lwn. PP* [2001] 3 CLJ 122.

[32] Di dalam kes *Lim Guan Eng v. PP & Other Appeals* [1998] 3 CLJ 769, isu yang sama dibangkitkan. Gopal Sri Ram JCA memutuskan di antara lainnya:

> ... We are equally satisfied from a careful scrutiny of the record of appeal that nothing really turns upon the note made by the learned judge on 28 April 1997 which refers to a "draf keputusan" (literally meaning "draft decision"). What he was obviously referring to were the points he jotted down when delivering his oral reasons for finding the appellant guilty.

> These do not, in our opinion, amount to a judgment in the sense in which it is used by the Courts of Judicature Act 1964, the Criminal Procedure Code and the Rules of the Court of Appeal 1994 which primarily govern adjectival criminal law. The judgment of the trial judge in this case was, without doubt, the full written reasons he furnished to the parties after notices of appeal had been lodged and which was erroneously dated 28 February.

[33] Begitu juga di dalam kes *Ong Keng Tat v. PP* [2015] 1 CLJ 506, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa penghakiman pertama yang disediakan oleh hakim bicara adalah tergolong kepada satu penghakiman ringkas sahaja dan tidak tergolong kepada satu alasan penghakiman seperti yang diperuntukkan di dalam s. 307(3) KTJ kerana Pesuruhjaya Kehakiman di dalam kes tersebut menyatakan dengan jelas bahawa penghakiman pertama itu

> ... adalah keputusan ringkas saya di akhir kes pendakwaan.

[34] Di dalam kes kita ini, hakim bicara di dalam keputusan bertarikh 22 Oktober 2013 telah menyatakan fakta kes secara ringkas dan memberi alasan-alasan kenapa dia memutuskan bahawa terdapat kes "*prima facie*" terhadap OKT. Alasan yang ditulis mungkin ringkas cuma sepanjang lebih kurang dua muka surat. Tetapi, pada pandangan kami ianya lengkap. Di dalamnya hakim bicara telah membincangkan intipati pertuduhan yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwa, dan memutuskan:

> Saya telah membuat pertimbangan maksimum ke atas keterangan saksi-saksi pendakwa. Dari keterangan yang dikemukakan tersebut saya dapati pihak pendakwa telah membuktikan OKT mempunyai pemilikan ke atas dadah berbahaya tersebut secara fizikal.
>
> Selanjutnya pihak pendakwa perlu membuktikan OKT melakukan pengedaran dadah tersebut. Berdasarkan berat dadah yang dijumpai, pihak pendakwa boleh bergantung kepada anggapan di bawah seksyen 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi membuktikan perbuatan OKT mengedar dadah berbahaya tersebut.

[35] OKT telah memberi keterangan membela diri pada 22 Oktober 2013 dan di akhir pembelaan mahkamah menangguhkan kes untuk keputusan, yang kemudiannya disampaikan pada 25 November 2013. Pada tarikh tersebut hakim bicara telah menyampaikan keputusannya di akhir kes pembelaan. Setakat tarikh tersebut dua penghakiman telah disampaikan oleh hakim bicara.

[36] Setelah meneliti kedua-dua penghakiman tersebut, kami berpendapat kesahihan ("validity") kedua-dua penghakiman tersebut tidak boleh disangkal. Kedua-duanya adalah teratur. Satu penghakiman di peringkat kes pendakwaan dan satu lagi di akhir kes pembelaan. Walaupun terdapat sedikit pertindihan tetapi pada keseluruhannya ia adalah teratur. Kedua-dua penghakiman walaupun ringkas, jika digabungkan bolehlah menjadi satu

penghakiman yang lengkap kerana ia menganalisa fakta kes dan intipati pertuduhan dan seterusnya mengandungi keputusan hakim bicara berserta dengan alasan-alasan bagi menyokong keputusannya. Perlu ditegaskan, tidak dinyatakan di mana-mana bahagian penghakiman tersebut yang ianya adalah merupakan satu "draf keputusan" seperti yang berlaku dalam kes *Lim Guan Eng*.

[37] Merujuk kepada kes *Yusof Omar* di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa adalah tidak salah dalam sesuatu perbicaraan yang memakan masa yang panjang dan terdapat banyak persoalan undang-undang bagi hakim bicara untuk memberi alasan-alasan secara ringkas mengenai keputusannya. Kami berpendapat kenyataan tersebut tidak boleh diterima pakai secara am kepada semua kes, tetapi terpakai "on a case to case basis". Kami berpendapat di dalam kes ini, penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013 tidaklah boleh disifatkan sedemikian. Pada pendapat kami, ianya merupakan satu penghakiman yang lengkap dan sempurna.

[38] Berlatar belakang kepada apa yang dinyatakan di atas, perlu kita meneliti bagaimana tanggungjawab untuk menyediakan alasan penghakiman timbul. Ianya diperuntukkan di dalam s. 52 AMK seperti berikut:

> 52. (1) When a notice of appeal has been filed the Judge by whom the decision was given shall, if he has not already written his judgment, record in writing the grounds of his decision, and the written judgment or grounds of decision shall form part of the record of the proceedings.

[39] Adalah jelas bahawa s. 52 AMK hanya mengkehendaki satu alasan keputusan dibuat sekiranya penghakiman bertulis belum disediakan. Hakim bicara tidak perlu, bahkan tidak boleh, menyediakan alasan penghakiman sekiranya penghakiman telah ditulis sebelum itu. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ankur Nath Ganguli v. PP* [1956] 1 LNS 9; [1956] 1 MLJ 206 telah membincangan isu ini dan memutuskan seperti berikut:

> ... if reasons for convicting an accused person have not been given and recorded, a trial Judge may record in writing the grounds of his decision and those grounds shall form part of the record. In this case the learned trial Judge gave reasons for convicting the appellant, and his judgment was taken down by his Secretary and was reduced to a written form. This not-too-happily phrased subsection means, in our view, that if a trial Judge gives no reasons which are recorded for convicting an accused person, then and then only he can on notice of appeal being given write his grounds of decision which shall form part of the record. The sub-section permits only of a written judgment or grounds of decision being included in the record, and this must be either the one or the other, not both. We, therefore, hold that what has been termed an addition to the learned trial Judge's oral judgment cannot form part of the record, and we can have no regard to it. This being so, there is nothing in the learned trial Judge's judgment referring to the evidence of accomplices, and in this respect his judgment is defective.

[40] Berdasarkan peruntukan di dalam s. 52 AMK dan penjelasan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ankur Nath Ganguli* di atas, menunjukkan bahawa penghakiman bertulis dan alasan keputusan merujuk kepada perkara yang sama. Ini menjustifikasikan mengapa hanya satu sahaja penghakiman bertulis atau alasan keputusan diperlukan di bawah s. 52 AMK. Dengan yang demikian, sekiranya penghakiman bertulis telah disediakan, hakim bicara tidak lagi "competent with" menyediakan satu lagi alasan penghakiman tambahan. Perkara ini telah diputuskan juga oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Lorraine Phylis Cohen & Anor v. PP* [1989] 2 CLJ 131; [1989] 1 CLJ (Rep) 84; [1989] 2 MLJ 288, di mana mahkamah menyatakan seperti berikut:

> Since there was already a written judgment, signed and delivered on 1 September 1987 no second written judgment or grounds of decision could be delivered subsequently to supplement the first judgment. We do not think it is competent for the learned judge to supplement the first judgment by delivering a second judgment or grounds of decision. This is clearly against fundamental principle as is normally understood.

[41] Isu yang sama juga pernah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Singapura di dalam kes *Goh Lai Wak v. PP* [1994] 1 SLR 748. Menurut Yong Pung How (CJ):

> A judge cannot subsequently give his grounds of decision if he has already delivered a prior judgment at the conclusion of the trial which contains his reasons for convicting the accused. This principle does not affect the operation of s. 218 of the Criminal Procedure Code (Cap 68) which provides that a judgment shall be explained to the accused. There cannot be any objection to a judge providing briefly at the conclucion of a trial an outline of the issues before him and the evidence on them, and to indicate briefly, without reasons, his findings on them. In such circumstances, there should be no objection if subsequent written grounds of decision are delivered in which the evidence is fully reviewed and the judge's detailed reasons or grounds for his findings are comprehensively recorded.

[42] Seksyen 52 AMK mengkehendaki alasan penghakiman disediakan dan diserahkan kepada perayu apabila notis rayuan difailkan. Oleh yang demikian, perbuatan menulis alasan penghakiman awal yang kemudiannya disusuli dengan penyediaan alasan penghakiman di bawah s. 52 AMK akan terjumlah kepada penyediaan alasan tambahan kepada penghakiman lisan yang telah diberikan sebelumnya. Ini menyebabkan berlakunya pengubahsuaian atau kajian semula terhadap penghakiman terdahulu yang dilarang di bawah s. 278 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> No court other than the High Court, when it has recorded its judgment, shall alter or review the judgment.
>
> Provided that a clerical error may be rectified at any time, and that any other mistake may be rectified at any time before the Court rises for the day.

[43] Sekiranya hakim bicara dibenarkan untuk membuat penambahan kepada penghakiman asal, ini akan menyebabkan lambakan penghakiman secara berterusan tanpa penamat seperti yang dibayangkan oleh Lee Hun Hoe (HB Borneo) di dalam kes *Lorraine Phylis Cohen & Anor* yang menyatakan:

> We consider it wrong in principle to allow a judge to supplement his original written judgment by a second judgment. If we allow this what is there to prevent a third or a fourth judgment to supplement an earlier judgment.

(Sila lihat juga kes *Public Prosecutor v. Hanif Basree Abdul Rahman* [2007] 2 CLJ 33; [2007] 2 MLJ 320)

[44] Di dalam kes kita ini terdapat tiga penghakiman semuanya dan setelah kami meneliti penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013, ianya jelas sekali merupakan penghakiman yang lengkap dan tidak boleh disifatkan sebagai alasan ringkas sahaja. Kedua-dua penghakiman tersebut mengandungi dapatan-dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara dan diikuti dengan keputusannya di akhir kes pendakwaan dan pembelaan. Di dalam alasannya bertarikh 22 Oktober 2013, hakim bicara membuat keputusan terdapatnya kes "*prima facie*" berdasarkan kepada dapatan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan OKT "mempunyai pemilikan terhadap dadah berbahaya tersebut secara fizikal". Berikutan dari itu, beliau telah memakai anggapan di bawah s. 37(da) ADB bagi membuktikan pengedaran dadah oleh OKT. Manakala penghakiman bertarikh 25 November 2013 pula adalah mengenai pembelaan OKT di mana hakim bicara telah dengan terperinci memberikan sebab-sebab kenapa pembelaan OKT gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Kami bersetuju dengan pihak pembelaan bahawa hakim bicara telah tidak membuat apa-apa keputusan tentang anggapan di bawah s. 37(da) ADB sama ada OKT berjaya atau tidak di atas imbangan kebarangkalian, untuk menyangkal anggapan pengedaran dadah di bawah s. 37(da) ADB.

[45] Di dalam keadaan kes ini, kami berpandangan, penghakiman bertarikh 20 Januari 2014 yang disediakan selepas notis rayuan difailkan merupakan satu penghakiman tambahan kepada penghakiman-penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013. Dengan itu kami memutuskan telah wujud penghakiman berganda dalam kes ini. (Lihat *Habee Bur Rahman v. PP* [1970] 1 LNS 32; [1971] 2 MLJ 194; *Nathan v. PP* [1972] 1 LNS 99; [1972] 2 MLJ 101; *Loh Kwang Seang v. PP* [1960] 1 LNS 64; [1960] MLJ 271)

[46] Namun begitu, pada pendapat kami, penghakiman berganda yang wujud di dalam kes ini tidaklah memberi kesan kepada kegagalan keadilan (miscarriage of justice) dan menyebabkan prosiding rayuan ini terbatal. Sebaliknya ianya adalah merupakan satu salah aturan semata-mata. Rayuan OKT masih boleh didengar dan pertimbangan oleh mahkamah dengan bergantung kepada penghakiman-penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013

dan 25 November 2013. Soal yang sama telah pernah diputuskan oleh mahkamah di dalam kes *Loh Kwang Seang v. PP* [1960] 1 LNS 64; [1960] 1 MLJ 271, di mana mahkamah memutuskan bahawa:

> ... the Court must consider the original judgment as it stands and exclude any consideration of the part added.

(Lihat juga *Low Ah Thit v. PP* [1992] 2 CLJ 1223; [1992] 2 CLJ (Rep) 811; dan *Habee Bur Rahman v. PP* [1970] 1 LNS 32; [1971] 2 MLJ 194).

[47] Hujahan-hujahan peguam OKT berkaitan rayuan terhadap sabitan dan hukuman OKT telah dibincangkan di dalam perenggan [24]-[29] dalam penghakiman ini. Undang-undang berkaitan pengedaran dadah juga adalah mantap, di mana hakim bicara perlu membuat dapatan terhadap pemilikan dan seterusnya mengenai pengetahuan OKT terhadap dadah itu sebelum menggunakan andaian pengedaran dadah di bawah s. 37(da) ADB 1952. Thomson H di dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] MLJ 237 menjelaskan seperti berikut:

> To establish possession for the purposes of criminal law, two separate questions are involved. The first is whether the accused party was in possession of the article in question and the second, by reason of the application of the maxim *actus non facit reum nisi mens sit rea*, is whether he had knowledge of the thing possessed.

[48] Bersandarkan kepada penghakiman bertarikh 22 Oktober 2013 dan 25 November 2013, kami bersetuju dengan peguam OKT bahawa hakim bicara tidak menyatakan sama ada OKT mempunyai pengetahuan terhadap dadah di dalam milikannya. Dalam penghakiman tersebut hakim bicara hanya mendapati OKT mempunyai milikan fizikal terhadap dadah tersebut. Dapatan berhubung dengan pengetahuan OKT tentang kewujudan dadah dalam milikannya merupakan salah satu elemen utama yang perlu diputuskan bagi membolehkan sandaran terhadap andaian pengedaran dadah di bawah s. 37(da) ADB dibuat. Tanpa dapatan sedemikian oleh hakim bicara kami memutuskan bahawa andaian statutori di bawah s. 37(da) ADB yang dipakai oleh hakim bicara terhadap OKT adalah cacat. Kesannya, pihak pendakwa gagal membuktikan kes "*prima facie*" bagi kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) ADB.

[49] Sehubungan dengan itu, sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi adalah salah. Mahkamah dengan ini membenarkan rayuan OKT terhadap hukuman dan sabitan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dan disahkan oleh Mahkamah Rayuan. Sabitan dan hukuman tersebut dengan ini diketepikan.

[50] Namun begitu, di dalam kes ini, terdapat keterangan yang jelas yang menunjukkan bahawa semasa ditangkap OKT mempunyai kawalan dan jagaan ke atas dadah berkenaan secara fizikal seperti yang diputuskan oleh hakim bicara. Dengan hal yang demikian, pihak pendakwaan boleh bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) ADB yang memperuntukkan:

A (d) any person who is found to have had in his custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug;

B **[51]** Beban untuk menyangkal anggapan di bawah s. 37(d) ADB adalah terletak kepada OKT di atas imbangan kebarangkalian. Berdasarkan kepada keterangan yang ada di hadapan mahkamah, kami memutuskan OKT telah gagal di atas imbangan kebarangkalian untuk menyangkal anggapan tersebut.

[52] Berdasarkan alasan-alasan di atas kami memutuskan bahawa, pihak C pendakwa telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa pada masa dan tempat seperti di dalam pertuduhan, OKT memiliki dadah seperti dituduh. Dengan hal yang demikian, kami memutuskan bahawa OKT didapati bersalah dan disabitkan di bawah s. 6 ADB. Memandangkan berat dadah yang terlibat di dalam kes ini melebihi 50g, D OKT boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) ADB.

[53] Sebelum kami menjatuhkan hukuman, peguam OKT bolehlah mengemukakan hujahan bagi meringankan hukuman dan pihak pendakwa mengemukakan hujahan balas.

E

F

G

H

I